

# SAUDARA-SAUDARA – BERJIHADLAH KEPADA JALAN ALLAH

## AL-JIHAD AL-AKBAR

(oleh Al-Ustaz Ahmad Hamzah dalam majalah Lua' Al-Islam)

Menurut keterangan beberapa orang sahabat Nabi bahawa tatkala Rasulullah Salallahu Alaihi Wasalam balik daripada salah satu peperangannya dengan kaum musyrikin maka yang mulia itu telah disambut oleh penduduk Madinah dengan memberi tahniah atas kemenangan yang cemerlang yang telah dicapai oleh baginda. Pada ketika itu yang mulia telah membalas mereka dengan bersabda:

*Raja'na minal jihad al-sughra ila al-jihad al-akbar*

(Kami telah balik daripada jihad yang kecil kepada jihad yang besar.)

Penyambut-penyambut baginda itu bertanya: "Apa dia jihad yang besar ya Rasulullah?"

- "Memerangi hawa nafsu" Sahut baginda lagi.

Keadaan umat Islam pada masa ini menuntut mereka memahamkan hadis junjungan ini dengan sedalam-dalamnya, dan berpandu kepada hikmah-hikmah yang terkandung di dalamnya. Umat Islam pada hari ini telah berhadapan dengan kerajaan-kerajaan dunia yang besar yang hendak membolot hak-hak kita. Mereka cukup lengkap dengan segala jenis senjata: Angkatan-angkatan udara, darat dan laut, yang dengannya mereka boleh menghancurkan segala bandar dan kota dan mengorbankan nyawa yang tidak terkira.

Tetapi kita tidak ada melainkan kebenaran dan kekuatan iman, yang kedua-duanya telah berkali-kali menggegarkan singgahsana-singgahsana dan meranapkan mahkota-mahkota. Dan yang telah berkali-kali dapat menjadikan penzalim-penzalim yang bermaharajalela itu menjadi hina, dan penganas yang penceroboh patah pengaruhnya, dan dapat ditindas kekejamannya.

Yang terutamanya eloklah kita sekarang mengadap diri kita


dan memperbaiki segala kerosakkannya, dan membinasakannya tahan menderita, dan menjauhkannya daripada perkara-perkara yang sesia. Setengah daripada jihad yang tinggi mutunya ialah beriman kepada Allah dengan seteguh-teguhannya, dan membersihkan diri kita daripada perasaan perseteruan, perpecahan dan kelemahan, kerana sifat-sifat ini ialah alat yang meruntuhkan.

Orang-orang Islam tidak dapat dikalahkan disebabkan mereka sedikit jumlahnya, hanya sanya mereka dapat dikalahkan disebabkan mereka cintakan kelazatan dunia, pada hal mereka tahu bahawa syurga adalah dipagari oleh kepayahan-kepayahan dan penderitaan, dan bahawasanya bertakwa kepada Allah zahir batin ialah senjata orang-orang yang beriman dan alat persediannya, dan bahawa bersatu tujuan, bersatu barisan, dan bersatu hati ialah jalan yang tunggal yang membawa kepada kejayaan dan kemenangan yang terang nyata.

Sekarang jelaslah bahawa "jihad yang besar" ialah dikehendaki kita memerangi hawa nafsu, sebagaimana yang telah diisytarkan oleh Rasulullah (SAW) di atas tadi, tetapi jihad yang demikian ini tidak akan sempurna melainkan hendaklah kita terlebih dahulu mengetahui hak kewajipan yang telah dipertanggungkan oleh Allah atas kita, dan mengerjakan segala perintahnya, serta membersihkan hati daripada hasad dengki dan perseteruan kepada sesama manusia, dan hendaklah kita ingat bahawa segala seteru Islam ialah seteru tanah air kita, segala kekejaman yang dilakukan oleh mereka kepada kita ialah disebabkan kebencian mereka yang turun temurun kepada agama Islam, dan disebabkan taksub mereka yang ahmak dan terkeji terhadap orang-orang Islam, mereka tidak dapat suatu liang yang mereka dapat masuk daripadanya, dan tidak ada tempat bersandar yang di atasnya mereka dapat bersandar, melainkan perpecahan umat Islam, dan porak peranda perpaduannya.

Telah berkali-kali kita menyeru melalui majalah ini bahawa telah tiba masanya umat Islam bangkit daripada kelalaian mereka, untuk bersatu padu dan bekerja terus supaya mereka dapat membentuk suatu persatuan yang seteguh-teguhnyanya yang bakal menjadi tempat mereka merundingkan segala pekerjaan mereka, dan membahas segala kemusykilan mereka, serta mengatur jalan-jalan dan cara menyiarkan keelokan agama mereka dan menjelaskan dasar-dasarnya, kerana Islam, sebagaimana yang diakui oleh pihak lawan sebelum akuan pihak kawan ialah agama kemanusiaan yang benar, dan tamadun yang tinggi, serta dasar-dasar yang lurus yang sesuai bagi tiap-tiap tempat dan tiap-tiap zaman mengandungi di dalamnya jalan-jalan dan peraturan untuk masa yang aman damai, dan undang-undang serta cara untuk peperangan. Tatkala Islam menyeru supaya bersedia dengan kekuatan dan berjaga-jaga serta menentang seteru, maka kedapatan ia menegah daripada berlaku belot, berkhianat dan berlaku kejam kepada orang-orang yang lemah, serta menegah daripada merampas harta benda dan merosakkan negeri-negeri yang ditawan. Islam menyuruh membela bangsa dan tanah air dan menentang seteru dengan berhadapan dengan gagah, teguh azam dan berani. Sejarah yang meriwayatkan perjuangan Islam tidak pernah menyebut suatu medan pertempuran daripada medan-medan yang di dalamnya orang-orang Islam telah dikalahkan melainkan disebabkan perpecahan mereka, dan disebabkan mereka lupa akan perintah-perintah agama mereka yang suci.

Dan sekiranya dalil telah pun didirikan oleh masa yang silam bahawa orang-orang Islam tidak akan hidup dengan sempurna dan tidak mereka akan dapat meninggalkan jasa yang menjadi sebutan-sebutan terutama di dalam zaman kekuatan dan kebendaan, melainkan telah mereka dapat menyatupadukan diri kerana masa yang sedang dilalui oleh kerajaan-kerajaan



*Sebahagian daripada murid-murid Madrasah Al-Irshad Jakarta sedang berbaris di dalam perayaan menyambut hari Maulad Nabawi Syarif baharu-baharu ini. –Gambar Airpost.*

Islam sekarang ini menuntut kepada pakatan yang teguh yang dapat mengumpulkan mereka daripada berselerak dan menyatukan tujuan mereka serta membiakkan di antara mereka perasaan kasih mengasihi dan berbantuan-bantuan, dan merasai akan penderitaan kaum-kaum Islam barang di mana sahaja negeri mereka dan di mana sahaja letaknya di alam dunia ini, sehingga bersesuaian keadaan umat Islam sebagaimana yang diisyaratkan oleh junjungan kita Muhammad Salallahu Alaihi Wasalam:

*“Masala al-muslimaini fi tawaduhum wa taraaamaham kamasala al-jasad iza ashtaqa minhu aduwu tadaa lau sair ala aqda balsahara wa bihami”.*

(Misal orang-orang Islam dalam masa mereka berkasih sayang dan berperasaan belas kasihan, samalah seperti keadaan suatu jasad yang apabila salah satu anggotanya merasa sakit maka segala anggota yang lain akan turut menderita dengan berjaga malam dan berasa demam.)

Tiap-tiap suatu apabila banyak jadi murah, melainkan akal, bertambah-tambah mahal - Pemuka Islam

\* \* \* \* \*

Sahabat itu ibarat api, kalau sedikit jadi bekalan, kalau banyak XXXX –Ibnu Abbas.